



Rozali (tengah) bersama anak FELDA pada Majlis Perjumpaan Generasi FELDA di UPM, Serdang, semalam.

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]

GWGF yakin kemampuan PM kekal kestabilan politik

Serdang: Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF) yakin dengan kemampuan Datuk Seri Najib Razak mengekalkan kestabilan politik dan kemakmuran negara melalui program transformasinya.

Presidennya, Tan Sri Rozali Ismail, berkata pihaknya men-

apati Perdana Menteri komited dan serius dalam membangunkan kecemerlangan FELDA yang diasaskan bapa beliau, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

"Beliau (Najib) mampu meneruskan legasi kejayaan bapanya yang menjadikan FEL-

DA sebuah institusi yang membina kekuatan ekonomi dan menyatukan orang Melayu Islam.

"Saya dan 14 persatuan yang bernaung di bawah GWGF memberi sokongan penuh dengan kepemimpinan Perdana Menteri yang dibantu timba-

lannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dalam mengukuhkan kerajaan dan meneruskan program transformasi demi kesejahteraan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Perjumpaan Generasi FELDA bagi membincangkan Masa Depan FELDA: Cabaran dan Harapan di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Rozali juga mahu generasi FELDA mempertahankan kemakmuran yang dipertahankan kerajaan hingga membolehkan rakyat hidup aman.